

Industri besi dan di Trengganu

Dr. M: Kilang besi dan lain2 dari petro-kimia



DR. MAHATHIR

KUALA TRENGGANU, Ahad—Trengganu akan menjadi sebuah pusat perindustrian terbesar di Malaysia apabila projek-projek melibatkan petro-kimia dilaksanakan dengan jayanya, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, segala rancangan yang dijalankan adalah hasil kajian mendalam sebuah syarikat besar dari Jepun.

Kajian itu dijalankan khas untuk Trengganu supaya Kerajaan dapat mengahului negeri Negeri Trengganu di bidang perusahaan minyak.

"Laporan dari kajian itu amat menggalakkan dan cadangan yang dibuat juga munasabah.

Oleh FARUSH KHAN

"Saya telah berbinang dengan Pengerusi Petronas dua hari lalu tentang kemungkinan kita menjalankan rancangan yang dikemukakan dalam kajian itu dan pendapat beliau juga sungguh menggalakkan" katanya selepas mendengar taklimat mengenai kemajuan negeri ini di Bilik Gerakan Negeri di Wisma Darul-Iman di sini.

\$150 juta

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Pertanian, Datuk Haji Abdul Manan Othman, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Abdul Rahman dan wakil-wakil rakyat serta pegawai Kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri yang dalam lawatan rasmi dua hari ke Trengganu berkata, antara projek yang dirangkaikan termasuk kilang besi dan perusahaan yang menggunakan gas sebagai bahan mentah.

Beliau yakin dengan adanya

projek-projek itu Trengganu bukan sahaja akan menjadi pusat penyatuan kilang besi, bahkan pusat perindustrian terbesar di negara ini.

Beliau berkata, Trengganu mendapat hasil minyak 800 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini dan dijangka meningkat 1100 juta atau lebih menjelang akhir tahun ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir, bagaimanapun, memaafkan pegawai dan rakyat negeri ini beristiaf sedikit menerima perubahan-perubahan pesat hasil pelaksanaan projek-projek tersebut.

Beliau mengesif sikap setengah golongan Bumiputera yang tidak mahu bekerja di kilang-kilang atau dalam perusahaan yang banyak memerlukan tenaga.

"Silap ini harus dibuang dan seballiknya kita mesti memujuk sikap supaya sesuai dengan perkembangan negara ini," katanya.

Mengenai pertanian, beliau berkata Kerajaan tidak mahu mendengar alasan ekonominya usaha tidak boleh dibuat untuk memajukan sesuatu projek disebabkan masalah tertentu, seperti keadaan cuaca dan tanah.

"Apa yang perlu kita lakukan ialah mencari jalan mengatasinya dalam membentuk keadaan supaya generasi datang apa yang kita hendak lihat," tambahnya.

Kelaysan Kerajaan menanam pokok tanpa menggunakan tanah hak-tanya, cukup menjadi bukti bahawa kelaysan boleh dicapai selagi ada kemahuan.

Beliau menasihatkan ahli-ahli politik dan pegawai menggunakan pendekatan yang betul bagi mendorong petani menerima layanan Kerajaan untuk kebajikan mereka sendiri.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menekankan kepentingan bekerja luarnya, semangat cintakan negara dan usaha jalinan sesuatu kejayaan.

"Orang-orang yang menyalahkan kerja sepenuhnya tidak mungkin membangun negara," katanya.

Beliau berharap setiap ahli politik, wakil rakyat dan pegawai Kerajaan memaikan peranan masing-masing tanpa menyunyikan perbahasan pada kesalahan orang lain.

Beliau menarik perhatian mereka mengenai kedudukan Malaysia yang dianggap oleh orang-orang luar sebagai negara membangun yang mencapai kejayaan-kejayaan luar biasa.

"Tetapi kita tidak patut berpuas hati dengan kejayaan yang ada malah perlu meningkatkan lagi pencapaian kita dari masa ke semasa," katanya.

No. Siri 11.412 / 624
No. Penerbitan 3205 / 81